	PROSEDUR SOKONGAN	NO. RUJ. DOKUMEN : KEJ/S/012
		NO. KELUARAN : 01
	PENGENDALIAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH : 1 JUN 2016
		MUKA SURAT : 1/6

1.0 OBJEKTIF


Prosedur ini bertujuan untuk memudahkan pengurusan perlindungan ke atas identiti pemberi maklumat yang membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) seperti di bawah Seksyen 6 APPM 2010.

2.0 SKOP

Digunapakai dalam semua pendedahan KTW yang akan dibuat siasatan secara teliti dan diambil tindakan sewajarnya jika perlu dan ianya tidak terhad kepada takrif di bawah APPM 2010 tetapi merangkumi :-

- i) Melanggar mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa
- ii) Pendedahan berkaitan ketidakadilan terhadap mana-mana anggota pekerja atau pihak luar atau pakatan sulit oleh anggota pekerja
- iii) Pendedahan berkaitan perkara yang menjejaskan kesihatan dan risiko keselamatan terhadap anggota pekerja atau orang ramai secara sengaja
- iv) Pendedahan berhubung dengan penyalahgunaan dana yang menyalahi dasar, undang-undang dan peraturan
- v) Pendedahan kesalahan yang melibatkan perbuatan penipuan, pecah amanah dan rasuah
- vi) Pendedahan yang melibatkan penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan peribadi atau menyebabkan kemudaratan kepada KEJORA
- vii) Pendedahan perkara yang berkaitan diskriminasi terhadap bangsa, agama, jantina atau ketidakupayaan
- viii) Pendedahan mengenai perbuatan secara sengaja menyembunyikan maklumat atau berkongsi maklumat denga

DOKUMEN INDUK

	PROSEDUR SOKONGAN	NO. RUJ. DOKUMEN : KEJ/S/012
		NO. KELUARAN : 01
	PENGENDALIAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH : 1 JUN 2016
		MUKA SURAT : 2/6

pihak luar tanpa kebenaran yang boleh mencemarkan nama baik KEJORA dan

- ix) Pendedahan mengenai pelanggaran apa-apa perbuatan yang melanggar kod etika dan kod tatakelakuan KEJORA


3.0 RUJUKAN

- Akta Pemberian Maklumat (APM) 2010
- Akta Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
- Punca Kuasa - Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 (Akta 75)

4.0 DEFINISI

- 4.1 Pemberi Maklumat -** Seseorang individu atau mana-mana orang mewakili sesebuah syarikat, agensi atau orang perseorangan membuat pendedahan kepada mana-mana orang yang mengikut budibicara pemberi maklumat mempunyai kuasa atau kepada penguatkuasa berkenaan pelanggaran/ salahlaku tadbirurus, rasuah, penyelewengan, salahgunakuasa atau apa-apa perlakuan yang menyalahi dasar, undang-undang, kod etika atau kod etika tatakelakuan oleh mana-mana anggota di dalam KEJORA.
- 4.2 Kelakuan Tidak Wajar** - Pelanggaran/ salahlaku tadbirurus, rasuah, penyelewengan, salahgunakuasa atau apa-apa perlakuan yang menyalahi dasar, undang-undang, kod etika atau kod etika tatakelakuan oleh mana-mana anggota di dalam KEJORA. Bagi maksud polisi ini ianya dikenali sebagai Kelakuan Tidak Wajar (KTW) sepertimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (APPM 2010).

DOKUMEN INDUK

	PROSEDUR SOKONGAN	NO. RUJ. DOKUMEN : KEJ/S/012
		NO. KELUARAN : 01
	PENGENDALIAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH : 1 JUN 2016
		MUKA SURAT : 3/6


5.0 SINGKATAN

- 5.1 **KUI**
Ketua Unit Integriti

- 5.2 **PPTK**
Penolong Pegawai Tadbir Kanan

- 5.3 **APM**
Akta Pemberian Maklumat


- 5.4 **KTW**
Kelakuan Tidak Wajar

	PROSEDUR SOKONGAN	NO. RUJ. DOKUMEN : KEJ/S/012
		NO. KELUARAN : 01
	PENGENDALIAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH : 1 JUN 2016
		MUKA SURAT : 4/6

6.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
KUI/PPTK	1. Menerima pendedahan secara lisan atau bertulis.
KUI/PPTK	2. Mendapatkan pengesahan daripada Pemberi Maklumat.
KUI/PPTK	3. Daftar dan rekodkan setiap Pemberi Maklumat.
KUI/PPTK	4. Menjalankan siasatan awal perkara tersebut dan sekiranya pendedahan salah laku tersebut bukan dalam bidang kuasa KEJORA, Pemberi Maklumat akan dimaklumkan dan persetujuan beliau mesti diperolehi untuk menyalurkan pendedahan tersebut kepada agensi berkaitan.
KUI/PPTK	5. Sekiranya berkaitan dengan bidang kuasa KEJORA, lantikan Jawatan Kuasa Siasatan oleh Pengurus Besar dilaksanakan.
KUI/PPTK	6. Menerima laporan daripada Jawatan Kuasa Siasatan.
KUI/PPTK	7. Menyediakan laporan untuk Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib.
KUI/PPTK	8. Sekiranya salah laku tersebut menjadi satu kesalahan jenayah, lapor kepada pihak SPRM dan PDRM.
KUI/PPTK	9. Surat hukuman dikeluarkan.

DOKUMEN INDUK

	PROSEDUR SOKONGAN	NO. RUJ. DOKUMEN : KEJ/S/012
		NO. KELUARAN : 01
	PENGENDALIAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH : 1 JUN 2016
		MUKA SURAT : 5/6

7.0 REKOD KUALITI

BIL	JENIS	TEMPOH SIMPANAN	LOKASI	NO. RUJUKAN REKOD
1.	Buku Daftar	5 tahun	Unit Integriti	-
2.	Borang Pengesahan Pemberi Maklumat	5 tahun	Unit Integriti	-

	PROSEDUR SOKONGAN	NO. RUJ. DOKUMEN : KEJ/S/012
		NO. KELUARAN : 01
	PENGENDALIAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH : 1 JUN 2016
		MUKA SURAT : 6/6

8.0 CARTA ALIR

8.1 Pengendalian Perlindungan Pemberi Maklumat

